

## KEPUTUSAN INKUES MUHAMMAD ADIB

Laporan SHAHRILFUDDIN SAARI, SUWARNI MOKHTAR, SITI ROHAIZAH ZAINAL, FARHANA JONI, MUHAMMAD AIMY AHMAD, MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB, MOHD. IZZAT NASURUDIN, AFIQ MOHD. SHAH, HASIF IDRIS, SAJIDA ASARULAH KHAN dan NUR IZZATI IZZAH NADZI Jurugambar MOHD. SHAHARANI SAIBI dan FARIZ RUSADIO

## Syazlin menangis keputusan koroner

SHAH ALAM 27 Sept.

Pegum mewakili keluarga Muhammad Adib Mohd. Kassim, Syazlin Mansor tidak mampu menahan airmata seurus Koroner Rofiah Mohamed mengemukakan keputusan mengenai punca kematian anggota bomba itu, hari ini.

Ekoran terlalu gembira dengan keputusan tersebut, tanpa sedar airmatanya berguguran sehingga terpaksa ditenangkan suami dan beberapa pegum lain.

Syazlin ketika ditemui berkata, apa yang dilakukan pasukan peguamnya selama ini hanya mahukan keadilan buat keluarga anak guamnya itu.

"Setakat ini, kita tidak tahu siapa yang memukulnya. Maka, polis perlu menjalankan siasatan," katanya kepada pemberita di luar pekarangan mahkamah di sini hari ini.

Dalam pada itu, Syazlin yang pernah mewakili Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) turut menyuarakan rasa berpuas hati dengan keputusan inkues kematian anggota bomba itu.

"Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Prof. Dr. Shahrom Abd. Wahid (Perunding Kanan Patologi Forensik United Kingdom) dan Dr. Amir Radzi Ab. Ghani (Pensyarah Kanan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal Universiti Teknologi Mara).

"Kedua-dua saksi ini sanggup memberikan keterangan yang benar di mahkamah dan secara pro-bono. Terima kasih kepada rakyat Malaysia di atas sokongan dan mendoakan keadilan terhadap kes kematian Muhammad Adib," ujarnya.

# Mati akibat cedera dipukul

SHAH ALAM 27 SEPT.

**K**ENAPA Mahkamah Koroner hanya putuskan Muhammad Adib Mohd. Kassim dipukul dan bukannya dibunuh?

Ini kerana bidang kuasa Mahkamah Koroner hanya untuk tentukan punca dan cara kematian, bukannya menentukan pertuduhan.

Oleh itu, seperti disarankan Mahkamah Koroner, polis perlu menjalankan siasatan sewajarnya dan Jabatan Peguam Negara mendakwa individu terabit.

Terdahulu, Koroner Rofiah Mohamad ketika membacakan keputusannya menyatakan wujud serangan fizikal terhadap anggota bomba, jentera Fire Rescue Tender (FRT) dan van EMRS.

Serangan itu dapat dilihat melalui rakaman video yang tular dan turut ditunjukkan di mahkamah.

Rofiah berkata, mahkamah menerima pakai keterangan Profesor Dr. Shahrom Abd. Wahid yang menyatakan Muhammad Adib ditarik keluar dari van EMRS sebelum terkena hentakan pintu van yang ditendang oleh seseorang.

"Ketiadaan lebam pada tu-



ABANG kepada Muhammad Adib Mohd. Kassim, Mohd. Asraf (kanan) diringi pegum, Syazlin Mansor (kiri) keluar dari Mahkamah Koroner selepas keputusan inkues kematian adiknya di Shah Alam, Selangor, semalam.

buh tidak boleh dijadikan alasan untuk mengatakan Muhammad Adib tidak dipukul kerana lebam bergantung pada beberapa faktor.

"Ketiadaan kecederaan mempertahankan diri juga menunjukkan bahawa arwah ketika dipukul berada dalam keadaan tidak sedarkan diri atau tidak mampu mempertahankan diri," katanya.

Sebaik sahaja Rofiah menyatakan Muhammad Adib disentak keluar daripada van EMRS dan dipukul sekumpulan lelaki, kedengaran "Yes!" dari belakang galeri awam dipercayai diungkapkan oleh seorang anggota bomba dipercayai rakan sekerja mangsa.

Namun di sebalik kegembiraan itu terselit rasa kurang enak ekoran tindakan polis

dan Unit Simpanan Persekutuan (FRU) pada malam kejadian.

Seperti yang dinyatakan Rofiah, adalah tidak munasabah apabila ada dua pasukan FRU yang lengkap bersenjata di lokasi kejadian tetapi hanya melihat dan bersedia sedia sahaja ketika perusuh merusuh.

"Kegagalan Ketua Polis Daerah Subang Jaya menjawab panggilan telefon sehingga tindakan gagal diambil tatkala perusuh menggila turut menyumbang kepada kematian Muhammad Adib," katanya.

Terdahulu Rofiah merumuskan mangsa dipukul oleh sekumpulan lelaki berketurunan India.

Ini berdasarkan keterangan saksi, S. Narresh yang berada di tempat kejadian.

"Saksi terdengar seseorang bertanya dalam bahasa Tamil 'bomba pun nak pukul ke?' Ini menunjukkan pertanyaan itu ditanya oleh seseorang yang fasih berbahasa Tamil kepada seseorang yang memahami bahasa Tamil," katanya.

Kini, separuh nasib Muhammad Adib sudah terbelah. Umum pasti menanti, tindakan selanjutnya daripada pihak PDRM dan Jabatan Peguam Negara.

## 'Alhamdulillah, doa kami dimakbulkan'

**KUALA KEDAH 27 Sept.** - Riak wajah Mohd. Kassim Abdul Hamid dan isterinya, Asma Aziz hari ini, tidak seperti biasa tatkala menerima kunjungan orang ramai di rumah mereka di Kampung Tebengau Tepi Laut di sini.

Jika sebelum ini wajah keduanya jelas sungguh dan tidak banyak berbicara

tetapi kali ini terpancar sedikit keceriaan pada muka mereka.

Manakan tidak selama kira-kira tujuh bulan lamanya dan sepanjang itu-lah keduanya a

tidak berhenti berdoa pada siang dan malam, agar anak mereka, Allahyarham Muhammad Adib mendapat pembelaan melalui keputusan inkues.

Ibarat dimakbulkan permintaan mereka itu, Mahkamah Koroner Shah Alam hari ini memutuskan bahawa kematian Muhammad Adib adalah akibat perbuatan jenayah setelah dipukul oleh sekumpulan lelaki.

"Saya berdebar-debar menunggu keputusan inkues dan sejak malam tadi tak berhenti berdoa. Alhamdulillah, keputusan ini berpihak kepada kami. Saya menganggap doa kami ini telah dimakbulkan Allah SWT.

"Saya dan suami menangis sebaik sahaja dimaklumkan keputusan pagi ini dan kini menyerahkan kepada pihak berkuasa

untuk proses selanjutnya sehingga pelaku dihukum mengikut undang-undang yang ada," ujar Asma ketika ditemui.

Dalam pada itu, Asma berharap pihak polis dapat menangkap segera pembunuh anaknya, selain mahu melihat sendiri muka penjenayah yang melakukan perbuatan tersebut.

"Makcik tahu, Adib tetap tidak kembali tetapi sekurang-kurangnya kematian arwah mendapat pembelaan," katanya sayu.

Sementara itu, Mohd. Kassim berterima kasih kepada semua rakyat Malaysia yang tidak putus-putus berdoa termasuk sentiasa mengikuti perkembangan kes itu sejak akhir tahun lalu.

"Alhamdulillah saya amat bersyukur dengan keputusan ini dan kita sama-sama nantikan proses siasatan seterusnya agar keadilan dapat ditegakkan," katanya.



MOHD. KASSIM ABDUL HAMID dan Asma Aziz kelihatan ceria selepas keputusan inkues kematian anaknya, Muhammad Adib diketahui ketika ditemui di Kampung Tebengau, Kuala Kedah, semalam.